

**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK**

**BIL.1/2024**

1.	<p><b>JURUTERA GRED J41</b></p> <p><b>Klasifikasi perkhidmatan :</b> <b>Kejuruteraan (Awam)</b></p> <p><b>Kumpulan Perkhidmatan :</b> <b>Pengurusan dan Profesional</b></p> <p><b>Taraf Jawatan :</b> <b>Kontrak (Contract Of Service)</b></p> <p><b>Gred Gaji : RM2,529.00</b> <b>RM2,529.00 - RM9,643.00</b></p> <p><b>Satu (1) Kekosongan :</b> <b>Ibu Pejabat</b> <b>Perbadanan Taman Negeri Perak</b></p>	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Warganegara Malaysia</li><li>b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>c) (i) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; dan (ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia (Gaji permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00)</li></ul> <p>2. <b>Syarat Kelayakan Bahasa Melayu</b></p> <p>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p>
----	--	--

**3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh jabatan) :**

Bidang yang diiktiraf MQA

**4. Keperluan Tambahan :**

**Hanya calon yang memperoleh kelayakan / kelulusan Ijazah Sarjana Muda yang telah diiktiraf oleh senat Universiti / Jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.**

**5. Syarat-syarat lain**

- i) Keutamaan akan diberikan kepada Rakyat DYMM Sultan Perak. Jika sekiranya pemohon dilahirkan di Luar Negari Perak sila sertakan Salinan Kad Pengenalan Bapa pemohon;
- ii) Mempunyai pengalaman kerja yang kukuh (minimum 2 hingga 5 tahun) di dalam bidang kejuruteraan awam.
- iii) Mempunyai skill penulisan dan komunikasi di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (dengan baik) ;
- iv) Mampu berdiskusi, mempunyai skill pengurusan yang bagus, mempunyai kemampuan dalam tugas dengan pemantauan minimum, inovatif dan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik (*good people skill*).

	<p><b>6. Bidang Tugas</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik di agensi ;</li><li>ii) Menyediakan maklumat rekabentuk, lukisan kejuruteraan yang diperlukan ;</li><li>iii) Mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja di kawasan pembinaan di tapak projek serta penyediaan laporan kemajuan kerja ;</li><li>iv) Merancang bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan apa-apa bangunan (aset) milik agensi ;</li><li>v) Merancang bagi pelaksanaan kerja-kerja kawalan, pengujian dan penyenggaraan berkala peralatan elektrik ;</li><li>vi) Melibatkan diri dalam apa-apa perkara berkaitan pengauditan ;</li><li>vii) Membantu pihak pengurusan agensi dalam penyediaan mengenai projek-projek pembangunan agensi ;</li><li>viii) Melaksanakan apa-apa arahan dari masa ke semasa ;</li></ul>
--	--

**Cara Memohon :**

- Pemohon yang berminat hendaklah mengisi secara *online* di e-perjawatan, portal Digital Perak.

**Catatan :**

- Tarikh tutup permohonan pada **26 APRIL 2024 (JUMAAT)**
- Permohonan yang lengkap dan disenarai pendek sahaja yang layak dipanggil untuk temuduga, manakala calon-calon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dan tarikh iklan ditutup dianggap permohonan mereka tidak Berjaya.
- Calon yang dipanggil temuduga perlu membawa sijil asal semasa sesi temuduga dijalankan.
- Segala kos pengangkutan adalah dibawah tanggungan sendiri.